

Tujuan dan Sistem Pendidikan

Pada tulisan kali ini saya ingin mengemukakan sebagai pokok huraian, iaitu “tujuan dan sistem pendidikan.”

Antara tujuan dan sistem terdapat hubungan yang erat sekali dengan menetapkan tujuan yang jelas, akan dapat pula ditentukan sistem yang hendak dipakai supaya tujuan mencapai hasil yang sebenar-benarnya.

Saya melihat tujuan pendidikan dan pelajaran dari dua segi, iaitu dari segi individu dan dari segi masyarakat.

(Oleh: Arhadi Marzuki)

Tujuan dari Segi Individu:

Dari segi individu pendidikan dan pelajaran dimaksudkan untuk menyiapkan diri seseorang mempunyai kemampuan dan bekal tertentu dalam menghadapi tentangan kehidupan, penghidupan dan hidup terhadap individu tersebut. Sejahtera mana seseorang mendapat pendidikan dan pelajaran, sejauh itu pulalah harapan yang boleh dipunyainya untuk mempertahankan hidup, dan penghidupannya jadi makin sempurna pendidikan dan pelajaran seseorang, makin besar kemungkinan yang boleh diharapkannya dalam mencapai kepuasan jasmani rohaninya.

Sistem pendidikan sesuatu negara hendaklah mampu menghantarkan warganegaranya kepada keadaan di mana setiap orang mendapat peluang memperkembangkan bakat-bakat yang terdapat pada dirinya, kemudian mengambil manfaat dari perkembangan-perkembangan tersebut.

Tingkat kemajuan sesuatu bangsa akan banyak dipengaruhi oleh tepat atau tidaknya sistem pendidikan dan pelajaran negara itu. Apabila setiap individu telah mendapat didikan yang baik, dengan sendirinya prestasi perseorangan akan baik pula.

Tujuan Dari Segi Masyarakat atau Bangsa:

Selain melihat kepada kepentingan-kepentingan individual, tujuan pendidikan dan pelajaran hendaklah pula disesuaikan dengan keperluan dan corak masyarakat atau bangsa. Apabila sesuatu negara ingin menjadikan negaranya sebagai negara industri, maka sistem pendidikan dan pelajaran mestilah disesuaikan dengan tujuan tenaga-tenaga yang sesuai dengan keperluan negara industri tersebut.

Contoh di Asia di antaranya negeri Jepun. Negeri ini kerana kondisi-kondisi alam dan penduduknya, menjadikan negeri ini sebagai suatu negeri yang lebih banyak bergantung kepada hasil kekayaan industri. Oleh kerana itu

pendidikan dan pelajaran di sana lebih menitikberatkan kepada sekolah-sekolah kejuruan yang akhirnya menghasilkan pemuda-pemudi yang suka bekerja.

Untuk Malaysia dengan sendirinya disesuaikan dengan maksud hendak menjadikan negeri ini sebagai negara apakah; industrikah atau agrasiskah?

Singapura telah mengambil pendirian dan polisi, bahawa negeri ini dan masa hadapannya bergantung kepada industri dan perniagaan jasa. Oleh kerana itu pemerintahnya telah mengambil langkah yang menjurus kepada penyiapan-penyiapan yang sesuai dengan keperluan setempat.

Demikianlah dua tujuan yang saya maksudkan.

Sistem Pendidikan dan Pelajaran:

Seperti telah dihuraikan di atas, antara tujuan dan sistem tidak dapat dipisahkan. Dengan demikian tugas kita ialah mengkaji sistem yang paling baik untuk mencapai tujuan sebaik-baiknya dengan secepat mungkin.

Tujuan Sistem Pendidikan

Individu adalah faktor yang terpenting dalam kehidupan masyarakat. Oleh kerana itu sistem pendidikan dan pelajaran hendaklah melihat kepada apa yang telah ada pada masing-masing individu dan apa yang boleh dibuat untuk mempertinggi taraf hidup seseorang bagi kemajuan dan kepentingan masyarakat. Dengan hal yang demikian fungsi pendidikan dan pelajaran hendaklah memperkembang, mendorong dan mengarahkan aspek-aspek yang terdapat dalam diri peribadi seseorang.

Saya melihat ada 5 aspek pada diri manusia yang perlu dikembangkan, didorong dan diarahkan. Aspek-aspek itu ialah:

1. Aspek Jiwa atau Rohani:

Aspek jiwa atau rohani adalah aspek yang terpenting dalam diri seseorang. Dia boleh diumpamakan seorang drebar bagi kereta. Bila drebar dalam keadaan mabuk atau mengantuk ada harapan kereta akan masuk jurang, atau menobrok sesuatu. Demikianlah pula fungsi rohani dalam diri manusia. Rohani yang sihat akan melahirkan peribadi-peribadi yang sihat pula.

Pelajaran agama, budi pekerti, nasional, sivik dan lain-lain adalah bahan-bahan yang mustahak dimasukkan dalam kurikulum (mata pelajaran).

2. Aspek Inteligensia atau Kecergasan Otak

Tugas pelajaran dan pendidikan ialah mengisi, membangkitkan daya

kembang sendiri dari kecergasan otak seorang. Ketetapan memilih isi kurikulum adalah sangat besar pengaruhnya terhadap aspek kecergasan otak tersebut. Di Malaysia sekarang timbul masalah pelajaran sains. Yang menjadi persoalan ialah terlalu sedikitnya penuntut-penuntut terutama orang Melayu yang mengambil jurusan sains.

Suatu penyiasatan yang menyeluruh hendaklah diadakan untuk mengetahui latar belakang dari keadaan tersebut. Di samping memikirkan *method* dan sistem yang paling baik dalam mengajarkannya, juga dilihat kepada kondisi yang terdapat pada merata anak-anak. Faktor psikologi, ekonomi dan sosial saya fikir banyak pula pengaruhnya terhadap *interest* seseorang terhadap pelajaran sains.

Mata pelajaran sains, matematik, dan *social sciences* adalah merupakan isi dari aspek inteligensia yang saya maksudkan.

Memperhatikan *co-relation* antara aspek jiwa dan aspek kecergasan adalah sangat penting pula, terutama bagi negeri-negeri yang menganut sesuatu agama. Kecerdasan tanpa bimbingan budi yang luhur, akan melahirkan perbuatan-perbuatan atau ciptaan-ciptaan yang merugikan umat manusia. Betapa banyak orang yang pintar, tapi kerana nilai budinya rendah atau tidak memperhatikan sama sekali ukuran-ukuran budi, maka sering kali karya-karya yang ditimbulkannya bertentangan dengan keselamatan manusia.

Jadi unsur pendidikan agama, akhlak adalah merupakan unsur yang

amat penting untuk memandu ilmu pengetahuan seseorang.

3. Aspek Cipta Rasa.

Unsur yang ketiga yang perlu diperkembang pula ialah aspek ciota rasa. Rasa keindahan, rasa seni yang ada dalam diri seseorang mestilah mendapat kesempatan berkembang dengan baik.

Setiap orang yang normal tentulah mempunyai rasa seni, Cuma tingkatan rasa seni bagi tiap-tiap orang itu tidaklah sama.

Tugas pendidikan dan pelajaran menggali, merangsang dan kemudian menyalurkan nilai-nilai seni tersebut. Makin lengkap alat-alat dan makin sistematik cara penyampaiannya, makin tinggilah nilai seni yang akan lahir.

Seni lukis, seni ukir, seni suara, seni muzik, seni drama dan lain-lain adalah di antara perkara-perkara yang masuk kepada unsur cipta rasa yang saya maksudkan. Sebagaimana aspek yang kedua di atas, maka aspek cipta rasa ini mestilah juga dipimpin oleh budi dan rasa agama. Seorang seniman ateis akan melahirkan karya-karya yang tidak memperhatikan nilai-nilai moral dan agama.

4. Aspek Cipta Karya

Aspek yang keempat ialah apa yang saya sebut sebagai aspek cipta karya, iaitu kecekapan luar dari seseorang.

Pada hakikatnya, setiap insan adalah berguna. Tuhan sebagai Maha Pencipta, telah menciptakan unsur

Tujuan Sistem Pendidikan

yang harmonis. Tugas kita ialah membaca keharmonisan tersebut dan kemudian menolong mewujudkannya.

Ada orang yang lemah kecekapan otaknya, tetapi Tuhan bekalkan dia dengan daya cipta yang tinggi di bidang lain, misalnya di bidang kesenian, di bidang kerja-kerja tangan dan sebagainya.

Tugas pendidikan dan pelajaran ialah memberikan bimbingan, dorongan dan rangsangan supaya daya cipta seseorang itu mendapat saluran yang wajar dan sempurna. Pelajaran menjahit, anyam-menganyam, pertukangan dan lain-lain adalah yang saya maksudkan sebagai isi dari aspek ini.

5. Aspek Jasmani:

Peribahasa Latin berkata:

“Men sana in corpore sano”

“Di dalam tubuh yang sihat terdapat fikiran yang sihat.” Kebenaran hal ini tak perlu lagi diperkatakan. Jadi dengan demikian unsur pendidikan jasmani adalah merupakan unsur yang tak dapat dipisahkan dari unsur-unsur yang lain. Latihan sukan, pelajaran senam adalah merupakan isi dari aspek jasmani yang saya maksudkan.

Tugas pendidikan dan pelajaran ialah menyediakan segala kemudahan bagi perkembangan jasmani seseorang kemudian mencuba meningkatkan prestasi diri orang tersebut, baik untuk kepentingan dirinya mahu-

pun untuk kepentingan bangsa dan negara.

Makin sempurna alat-alat dan latihan yang diberikan makin tinggi prestasi yang boleh diharapkan.

Ilmu pendidikan sekadar bertugas mencari daya upaya, supaya aspek-aspek tersebut diberikan dengan sistematik untuk memperoleh hasil yang setinggi-tingginya.

Lembaga Penelitian, Lembaga Pembimbing dan Penyuluhan (*guidance and counseling*)

merupakan lembaga yang penting dalam menetapkan cara-cara pemberian pelajaran dan sebagainya.

Dengan ini diakhiri huraian yang singkat ini mudah-mudahan ada faedahnya.



Medan Riadh Al Solh yang terletak di tengah-tengah Kota Beirut, di antara tempat-tempat yang paling menarik, indah dan bersih. Medan ini sentiasa sibuk di sepanjang hari dan malam, kecuali pada hari-hari cuti umum. Gambar ini tentu diambil pada hari cuti.